



**Persatuan Penduduk Pangsapuri Taman Puncak Kinrara
TKK 2/3, Puchong Selangor.**

(No. daftar : 0180-08-SEL)
B3-01-04, Jalan TKK 2/3, Taman Puncak Kinrara
47100 Puchong Selangor.
<http://tamanpuncak.blogspot.com>

Minit Mesyuarat Agong Kali Ke-1

Tarikh: 16.03.2008 Masa: 9.30 pagi

Tempat : Taman permainan kanak-kanak, Taman Puncak Kinrara.

Kehadiran : 42 orang

1. Ucapan pengerusi Penubuhan

Encik Zulkifli bin Zainuddin selaku pengerusi penaja telah mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dalam mesyuarat agong kali ke-1. Beliau menerangkan matlamat mengadakan mesyuarat ini.

2. Pengesahan Minit Mesyuarat Agong 2007 yang Lalu

-Tidak ada-

3. Pembentangan Laporan Aktiviti Tahun 2007 yang lalu

-Tidak ada-

4. Pembentangan Laporan Kewangan bagi tahun berakhir 31 mac 2007 oleh bendahari.

-Tidak ada-

5. Pemilihan Ahli Jawatan Kuasa sessi 2008

-Lihat lampiran

6. Hal-hal lain/usul/cadangan

Bil	Hal-hal lain/Usul	Tindakan
1	<u>Pn Jamilah(B5-5-2)</u> 1)Beliau mencadangkan agar pusingan “u” daripada lampu isyarat diperbaiki segera kerana jalan yang diturap tidak rata. 2)Beliau meminta bumper yang dibina direndahkan sedikit.	1- Aduan telah dibuat kepada MPSJ oleh pengurusan bangunan (YTL). 2-Bumper tidak perlu di rendahkan kerana ia tidak menjadi masalah kepada kenderaan “standard”.
2	<u>Chen Chin Ming (B6-3-3)</u> 1)Meminta jalan masuk utama ke pangsapuri di lebarkan.	Keperluan untuk melebarkan jalan masuk utama bergantung kepada kewangan pihak pengurusan bangunan.
3	<u>Yassir Anwar(B2-1-7)</u> 1)Kawalan keselamatan dipercepatkan. Antara keperluan ialah a)Pondok pengawal dan Palang b)Pagar 2)Meminta kabin berukuran sederhana untuk menyimpan peralatan persatuan. 3)Meminta pihak pengurusan membuat penutup longkang atau penghadang dikawasan yang curam untuk keselamatan kanak-kanak .	<u>Pondok pengawal dan palang</u> Pondok pengawal dan palang dibuat secara gotong royong pada 1 may 2008. -Kawalan keselamatan telah bermula pada 1 jan 2009. -Pada mesyuarat agong ke-1, penduduk sebulatsuaara bersetuju yuran guard di kutip oleh YTL dan ditambah kedalam yuran maintenance sebanyak rm25. - Pihak pengurusan telah menghantar surat kepada semua penduduk tentang cadangan untuk kawalan keselamatan bersama dengan anggaran kos pada 1/12/08. -Kos untuk kawalan keselamatan adalah rm6500 sebulan. <u>Pagar</u> c) Keperluan untuk membina pagar bergantung kepada kewangan pihak pengurusan. Anggaran untuk setiap kaki pagar (coated)5’ tinggi adalah RM22/sekaki atau lebih. 2)Persatuan berusaha untuk mendapatkan kabin bagi menyimpan peralatan persatuan.

		3)Keperluan untuk membina penutup longkang bergantung kepada kewangan pihak pengurusan bangunan.
4	<u>Pn Jamaliah (B1-1-4)</u> -Meminta "hand rail" di tangga yang menghala ke kedai untuk keselamatan terutama kanak-kanak.	Tangga yang menghala ke kedai tidak akan digunakan dengan adanya pagar. Hanya laluan utama sahaja dibuka supaya langkah keselamatan senang di kawal.
5.	<u>Harindran Krisnan(B2-5-7)</u> 1)Bertanya berkenaan penanda parking.	Penanda parking telah dibuat oleh kontraktor pada Jan 2009.
6	<u>Zariman(B5-1-1)</u> -Meminta persatuan menguatkuasa masalah parking kereta dan motosikal yang tidak mengikut peraturan. <u>Hau Chee Yeng (B6-3-8)</u> -Mengambil tindakan kepada mereka yang menggunakan tempat parking orang lain tanpa kebenaran.	Penguatkuasaan kepada masalah parking akan dibuat selepas penggunaan pelekat kenderaan di kuatkuasakan. Tindakan yang akan dibuat oleh pihak pengurusan dan persatuan seperti mengunci tayar dan kompaun keatas pemilik kenderaan yang meghalang atau menggunakan tempat parking orang lain tanpa kebenaran pemilik.

6. Mesyuarat telah ditangguhkan pada pukul 11.30 pagi.

Laporan Aktiviti Tahun 2008

1. Gotong royong membina pondok dan palang pengawal keselamatan.

Dalam mesyuarat ajk pada 12 april 2008, mereka sebulat suara bersetuju untuk membina pondok pengawal dan palang keselamatan secara gotong royong kerana persatuan dan pengurusan(YTL) tidak mempunyai wang yang mencukupi.

Pembinaan pondok pengawal dan palang bermula pada 1 may 2008 disertai oleh 14 orang penduduk sehingga pondok siap pada disember 2008.

Sebahagian kos binaan telah di tampung oleh pihak pengurusan(YTL) secara lamp-sum termasuk pendawaian letrik.

2. Gotong royong membersihkan tempat pembuangan sampah haram.

Masalah pembuangan sampah haram berdekatan dengan pangsapuri telah menjadi masalah kepada penduduk antaranya masalah nyamuk aedes selain mencacatkan pemandangan.

Gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut telah dibuat sebanyak 2 kali iaitu

a) Pada 3 ogos 2008. Gotong royong bermula pada pukul 9 pagi dan berakhir pukul 1 tengahari. Seramai 15 orang penduduk yang terlibat. Gotong royong melibatkan pembersihan semak di sekitar pondok pengawal dan cerun. Mereka menggunakan peralatan sendiri tanpa penglibatan MPSJ.

b) Pada 30 Nov 2008. Gotong royong bermula pada pukul 9 pagi dan berakhir pukul 1 tengahari. Penglibatan penduduk sekitar 20 orang. Kontraktor MPSJ menyediakan 2 lori sampah, 2 pekerja untuk memotong rumput dan 1 unit mesin gergaji.

Usaha Persatuan penduduk membawa masalah pembuangan sampah haram ini telah mendapat perhatian dari ahli majlis MPSJ iaitu En. Cheah Sang Soon. Beliau memberi jaminan akan membersihkan serta mencantikkan kawasan tersebut dan meletakkan papan tanda agar mereka tidak membuang sampah lagi disini.

Disediakan oleh,
Ruzlan
Setiausaha